

Peranan Konsep ‘Surau Hijau’ dalam Membentuk Komuniti Lestari di Sekolah

The Role of Green Surau Concept towards Forming Sustainable Community in School

ABD AZIZ REKAN, TENGGU SARINA AINI TENGGU KASIM & YUSMINI MD YUSOFF

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka peranan konsep surau hijau terhadap pembentukan komuniti lestari di sekolah. Manakala metodologi yang telah diaplikasikan dalam kajian ini adalah merangkumi kajian kualitatif berbentuk kajian ke sdi sebuah surau sekolah dibahagian utara, Semenanjung Malaysia. Bagi kaedah pengumpulan data kajian pula terdiri daripada kaedah analisis kandungan dokumen sebagai kaedah utama yang turut disokong oleh kaedah pemerhatian terus terhadap persekitaran surau sekolah dengan menggunakan instrumen senarai semak pemerhatian dan nota lapangan bagi meningkatkan kebolehpercayaan data-data yang telah diperolehi daripada dokumen. Seterusnya, setelah selesai kesemua proses pengumpulan dan pengurusan data, proses menganalisis data yang melibatkan data-data daripada dokumen dan pemerhatian pula dilakukan dengan mengaplikasikan pendekatan analisis kandungan yang telah dicadangkan oleh Cohen (2011). Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat lima tema pengisian konsep surau hijau yang menggalakkan pembentukan komuniti lestari iaitu keagamaan dan kerohanian, akademik dan intelektual, ekonomi dan keusahawanan, jaringan dan rangkaian komuniti luar serta kesenian dan rekreasi. Terdapat juga tiga peranan konsep surau hijau dalam menggalakkan komuniti sekolah yang mesra alam sekitar iaitu sebagai medium penyebaran nilai etika dan asas moral, bertindak sebagai agen sosial dan memperkembangkan kemahiran insaniah. Implikasi kajian ini di peringkat global telah memacu agenda pembangunan lestari menerusi pelaksanaan pelbagai aktiviti kelestarian yang dianjurkan oleh surau hijau. Manakala di peringkat Malaysia pula, pihak-pihak berkepentingan sama ada di peringkat organisasi kerajaan mahupun swasta berpeluang mendapatkan maklumat yang signifikan daripada peranan surau hijau ini untuk dijadikan sebagai inspirasi dakwah yang kreatif dan inovatif bagi menarik minat ahli organisasi atau penduduk setempat terhadap kelestarian alam sekitar.

Kata kunci: Surau hijau; institusi Islam; etika alam sekitar; komuniti lestari; sekolah

ABSTRACT

This study seeks to explore the role of green surau concept towards the establishment of a sustainable community in schools. A qualitative case study has been applied as a method of research in a school's surau in the northern part of Peninsular Malaysia. Furthermore, document content analysis has been used as the main method of data collection. It was also supported by direct observation of the school's surau environment by using observation checklist and field notes, as it can improve the trustworthiness of the data obtained from the documents. Subsequently, after completing all data collection and management processes, the process of analysing data involving the data from documents and observations was done by applying the content analysis approach proposed by Cohen (2011). The findings show that there are five themes of the green surau concept that promote the development of sustainable communities such as religious and spiritual, academic and intellectual, economic and entrepreneurship, networks and outside community as well as arts and recreation. There are three roles of the green surau concept in order to promote the school community that is environmentally friendly, such as a medium for the disseminating ethical values and moral principles, acting as social agents and developing soft skills. Hence, the implication of this study to the world has spurred to the agenda of sustainable development through the implementation of various greening

activities organised by green surau. Whereas at the Malaysian level, stakeholders at both government and private organisations will have the opportunity to obtain significant information from the role of green surau by way of it serve as an inspiration for creative and innovative da'wah, in order to attract the members of the organisation or the local population towards environmental sustainability.

Keywords: Green surau; Islamic institution; environmental ethics; sustainable community; school

PENDAHULUAN

Malaysia merupakan sebuah negara sedang membangun yang prihatin terhadap isu-isu alam sekitar. Buktinya Malaysia telah menjalinkan Perjanjian Alam Sekitar Pelbagai Hala (*Multilateral Environmental Agreements- MEAS*) diperingkat antarabangsa bagi menyahut dan mencapai matlamat pembangunan lestari (Muhammad Rizal Razman et al. 2014) yang menekankan keseimbangan penggunaan sumber alam dengan proses pembangunan masa kini supaya berupaya memenuhi keperluan generasi pada masa akan datang. Selain daripada komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa, di peringkat kebangsaan pula kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Dasar Alam sekitar Negara (DASN) yang diluluskan oleh jemaah menteri pada 1 Oktober 2001 dengan mengazetkan pendidikan alam sekitar secara formal dan tidak formal sebagai salah satu 'strategi hijau' (Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar 2002). Strategi hijau ini bertujuan untuk mencapai pembangunan lestari dan kemajuan ekonomi, sosial dan kebudayaan serta bagi meningkatkan kualiti hidup dan alam sekitar (Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar 2002). Jika diamati strategi hijau dalam DASN ini, sebenarnya dalam masa yang sama juga adalah sebagai langkah merealisasikan MEAS yang telah diratifikasi oleh Malaysia di peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, bagi mementaskan strategi hijau ini, sekolah merupakan antara institusi pendidikan formal yang berfungsi untuk menyebarkan pengetahuan dan aktiviti penghijauan. Institusi pendidikan ini sarat dengan pendidikan nilai alam sekitar menerusi pelbagai medium pengisian sama ada dalam bentuk kurikulum mahupun kokurikulum. Pada dasarnya, konsep pendidikan alam sekitar yang digunakan di Malaysia adalah berdasarkan 'Deklarasi Tbilisi 1977' yang ingin membangunkan individu serta komuniti sosial agar mempunyai kesedaran, pengetahuan, sikap, kemahiran dan penglibatan yang aktif dalam melestarikan alam sekitar (Pusat Perkembangan Kurikulum 1998). Dari aspek

pelaksanaan pendidikan alam sekitar di sekolah pula telah bermula semenjak era tahun 80-an lagi. Hal ini bermakna sudah hampir 30 tahun pelaksanaan pendidikan alam sekitar secara formal di Malaysia. Dalam tempoh ini juga pelbagai transformasi telah dilakukan bagi memastikan pelaksanaannya sesuai dengan konteks semasa. Antara transformasi tersebut adalah pendidikan alam sekitar telah diperkenalkan sebagai sebuah mata pelajaran di awal pelaksanaannya di peringkat sekolah rendah, namun telah dimansuhkan dan dijadikan sebagai elemen merentas kurikulum (EMK) (Pusat Perkembangan Kurikulum 1998) yang sehingga kini dititikberatkan di semua peringkat sekolah.

Berhubung dengan pendekatan pendidikan alam sekitar, terdapat tiga pendekatan konvensional (lazim) yang diaplikasikan di sekolah iaitu pertama, pendidikan tentang alam sekitar (*education about environment*) yang memfokuskan aspek kognitif (pengetahuan) dan afektif (kefahaman dan kesedaran) individu tentang interaksi manusia dan alam sekitar; kedua pendidikan di dalam alam sekitar (*education in environment*) yang menekankan aspek psikomotor (tingkahlaku) iaitu penglibatan dan penyertaan secara langsung dalam aktiviti alam sekitar seperti di luar kelas dan lawatan di zoo negara; dan ketiga, pendidikan untuk alam sekitar (*education for environment*) yakni menggalakkan pelaksanaan konservasi alam sekitar secara aktif (Palmer & Neal 1994). Ketiga-tiga pendekatan ini selari dengan saranan 'Deklarasi Tbilisi 1977', bahkan kegunaannya 'tak lapuk di hujan, tak lekang di panas' untuk mencapai hasrat dan matlamat pendidikan alam sekitar di Malaysia. Meskipun begitu, pendekatan konvensional ini perlu diintegrasikan dan diperkukuhkan juga dengan peranan agama. Jika dahulu peranan agama seolah-olah dianggap agak kurang signifikan, akan tetapi semenjak beberapa dekad ini peranan agama telah diakui berupaya memainkan peranan penting dalam memelihara dan memulihara alam sekitar (Foltz et al. 2003).

Bilamana kelestarian alam sekitar dikaitkan dengan peranan agama, perkara yang menjadi perbincangan utama adalah berkaitan isu nilai, etika

dan moral menurut perspektif kepelbagaian agama. Dalam hal ini, Aung yang telah mengkaji mengenai peranan agama-agama utama di dunia terhadap pemuliharaan alam sekitar menegaskan bahawa:

“every religions [Islam, Christianity, Judaism, Buddhism and Hinduism] consider abusing and exploiting the natural earth as unjust, immoral, unethical and hence impermissible and sinful... All religions and cultures are intolerant to irreverence of human towards nature” (Aung 2017: 62-63)

Jelas di sini, agama Islam, Kristian, Yahudi, Budha dan Hindu sememangnya melarang semua penganutnya daripada bertindak menyalahguna dan mengeksploitasi sumber alam secara tidak lestari, bahkan menyifatkan tindakan tersebut sebagai tidak bermoral dan tidak beretika. Dari sisi Islam yang merupakan agama rasmi persekutuan di Malaysia, terdapat beberapa fatwa telah dikeluarkan berkenaan isu alam sekitar, antaranya mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis ke-20 dan 21/2016 telah memutuskan perbuatan mencemarkan alam sekitar dan memberi kesan kemudaratan fizikal secara langsung kepada manusia, haiwan dan tumbuhan adalah haram (JAKIM 2016). Dalam fatwa yang lain iaitu *Irsyad Al-Fatwa* siri ke-243 telah mengharamkan pemburuan dan pemerdagangan haiwan tenggiling bagi menangani kepupusan spesies ini di Malaysia (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2018). Fatwa-fatwa yang telah diputuskan ini menunjukkan institusi mufti sebagai salah sebuah institusi Islam turut cakna terhadap isu-isu alam sekitar di Malaysia.

Selain daripada institusi mufti, Institut kefahaman Islam Malaysia (IKIM) juga turut prihatin terhadap isu alam sekitar yang telah diterjemahkan menerusi beberapa penganjuran aktiviti intelektual seperti Persidangan Meja Bulat Pemantapan Modul dan Kurikulum Pendidikan Alam Sekitar Menerusi Pendekatan Agama pada tahun 2013, Muzakarah Pakar Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar: Penglibatan Komuniti Islam pada tahun 2013, Bengkel Pemuliharaan Hidupan Liar dalam Islam di Gerik, Perak pada tahun 2010, Bengkel Pemuliharaan Alam Sekitar dan Hidupan Liar dalam Islam di Jeli, Kelantan serta Seminar Alam Sekitar dan Kepelbagaian Bio di Malaysia: Isu dan Agenda dari Perspektif Islam pada tahun 2006 (Abd Aziz et al. 2014). Aktiviti-aktiviti intelektual sebegini diadakan bagi membincangkan status-quo kesesuaian, strategi yang signifikan dan cabaran yang dihadapi terhadap pengaplikasian pendekatan Islam dalam menghijaukan alam sekitar. Di institusi

sekolah pula terdapatnya surau yang berfungsi sebagai institusi Islam mikro dan menjadi tempat perkembangan potensi pelajar dari segenap aspek. Sekiranya surau ini dibangunkan dan diintegrasikan dengan konsep penghijauan (akan dijelaskan secara terperinci di bahagian latar belakang kajian), warga sekolah berpeluang untuk memahami peranannya terhadap alam sekitar dalam konteks spritual yang sekali gus bertindak sebagai pemacu strategi hijau (pendidikan alam sekitar) ke arah penghayatan DASN.

Oleh itu, memandangkan kajian-kajian berkaitan isu dan masalah alam sekitar merupakan antara yang diberikan perhatian di dalam Jurnal Akademika apatah lagi dalam tempoh tiga tahun terkini (2017 sehingga 2019) seperti kajian mengenai pencemaran bunyi bising trafik (Nur Shazwanie & Azlan 2019), kajian faktor yang mempengaruhi pengurusan sisa pepejal di Malaysia (Intan Nadia et al. 2019) dan kajian berkaitan tingkah laku muslim ke arah kelestarian alam sekitar (Mashitoh et al. 2017). Maka, sumbangan kajian ini pula membangunkan lagi kefahaman mengenai kelestarian alam sekitar daripada konteks peranan sebuah surau yang telah mengaplikasikan konsep penghijauan di salah sebuah sekolah di bahagian utara Semenanjung Malaysia, dalam usaha membentuk komuniti sekolah yang lestari dan bersepadu.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Tempat ibadat orang Islam di Malaysia umumnya dikenali sebagai masjid dan surau. Masjid dan surau ini boleh dihadiri dan dilawati oleh orang bukan beragama Islam disamping mematuhi etika dan adab sepanjang sesi lawatan atau bersempena mana-mana program yang dianjurkan. Terminologi kedua-dua tempat ibadat ini seolah-olah mempunyai status yang sama dari segi hukum Islam tetapi hakikatnya berbeza. Secara dasarnya, status masjid tidak sama dengan surau disebabkan masjid berfungsi secara makro sebagai tempat beribadat yang konsisten, manakala surau walaupun tempat tersebut didirikan solat lima waktu tetapi hanya terhad kepada beberapa acara keagamaan tertentu sahaja (Irwan et al. 2014) seperti contoh tidak digunakan untuk solat jumaat. Di Malaysia, secara fizikalnya masjid-masjid dilihat boleh menampung lebih ramai jemaah disebabkan rekabentuk dan ruang yang lebih besar berbanding surau. Walau bagaimanapun, kedua-dua tempat ibadat ini mempunyai satu peranan utama iaitu menyediakan ruang kepada individu

untuk melakukan ibadat. Berdasarkan fokus konteks kajian ini iaitu surau di sekolah maka surau didefinisikan sebagai:

Satu bangunan yang terpisah daripada bilik darjah dan terletak dalam kawasan sekolah, digunakan untuk bersembahyang dan kegiatan Pendidikan Islam oleh seluruh warga sekolah, manakalabilik sembahyang (mosolla) bermaksud bilik yang dibina bersambung dengan bangunan sekolah, digunakan untuk bersembahyang dan kegiatan Pendidikan Islam oleh seluruh warga sekolah. (Surat Pekeliling Ihktis Bil. 14/1998, Kementerian Pendidikan Malaysia).

Jika dilihat dari aspek kajian-kajian empirikal yang telah dijalankan berkenaan surau sekolah di Malaysia adalah lebih memfokuskan kepada kajian-kajian seperti persepsi pelajar terhadap fungsi surau sekolah sebagai pusat pendidikan (Bani Hidayat et al. 2014a) dan persepsi pelajar terhadap penggunaan surau sekolah dalam aspek sub-bidang Pendidikan Islam, penglibatan warga sekolah, kaedah pengajaran dan pembelajaran dan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan (Bani Hidayat et al. 2014b). Senario kajian-kajian lepas ini menunjukkan bahawa surau sekolah di Malaysia pengisiannya seolah-olah lebih tertumpu dan menjurus kepada pembangunan program-program Pendidikan Islam sahaja. Kajian atau kupasan mengenai fungsi dan peranan surau dalam melestarikan alam sekitar agak kurang memberangsangkan. Sedangkan Islam dan alam sekitar tidak boleh dipisahkan kerana

Islam itu sendiri menekankan hubungan manusia dengan alam sekitar. Hal ini juga kelihatan jelas di peringkat global apabila pengisian berkenaan pengintegrasian nilai etika alam sekitar di masjid, maktab, sekolah agama, madrasah dan universiti dalam kalangan muslim begitu menggalakkan sebagaimana yang diilustrasikan oleh Najma (2012) seperti dalam Jadual 1.

Meskipun begitu, di Malaysia, dalam konteks terkini, terdapatnya sebuah kajian yang memfokuskan berkaitan '*Imarah Green Project*' iaitu di surau Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) yang telah menjadi platform pemupukan pendidikan kelestarian kepada ahli komunitinya menerusi beberapa aktiviti mesra alam sekitar seperti forum kesedaran alam sekitar, kempen surau hijau, khutbah jumaat yang bermesejkan alam sekitar lestari, kempen pengasingan sisa makanan di kaferia dan kempen kitar semula barang-barang terpakai (Asmawati et al. 2018). Maka, sudah terang lagi bersuluh, potensi surau tidak wajar diabaikan. Potensi ini seharusnya dihargai dan digunakan sebaik mungkin untuk membangunkan lagi sikap dan kesedaran masyarakat yang positif terhadap alam sekitar. Sekiranya potensi ini diabaikan akan menjadi satu kerugian besar buat umat Islam, bahkan akan membuka ruang tanggapan yang negatif terhadap institusi Islam yang sepatutnya menitikberatkan alam sekitar sebagai sebahagian daripada elemen spiritual, tetapi tidak menggambarkan kepekaan tersebut.

JADUAL 1 Inisiatif Aktiviti Eko-Islam (Ekologi-Islam) Merentas Landskap Institusi Pendidikan Muslim: Perspektif Global

| Masjid | Maktab | Sekolah Agama | Madrasah dan Universiti | Lain-Lain |
|---|---|---|--|--|
| Kumpulan Sasaran | | | | |
| Komuniti umum Muslim | Kanak-kanak dan guru Muslim | Kanak-kanak dan guru Muslim | Ulama, pensyarah dan pelajar | Komuniti umum Muslim dan non-Muslim |
| Peluang Pembelajaran | | | | |
| Menerusi khutbah; tazkirah; menghijaukan masjid; bulan Ramadan | Menerusi sains Islam; pendidikan moral (akhlak); pendidikan luar kelas | Menerusi kurikulum sekolah; sains Islam; pendidikan luar kelas | Menerusi sains Islam; pendidikan moral (akhlak); jaringan komuniti luar | Menerusi seminar dan kempen; jaringan komuniti luar; kem remaja |
| Inisiatif Aktiviti atau Program EkoIslam | | | | |
| Teks khutbah; 'Green Fron Iran' (GFI); Eko-surau, Cambridge, UK; 'water devision' program 'iEnviro', Kanada | Kurikulum Maktab; buku Popular; sumber pendidikan alam sekitar; 'soumy ana' | ICE projek, UK; kurikulum ekologi; 'IFEES and Muslim hands'; hari bumi; pertandingan melukis; agama hijau | Konservasi bersama pesantren, Indonesia; pusat Islam dan Ekologi, Wales; inisiatif etika alam sekitar Misali, Zanzibar | 'Healing the Fragile Earth Confrence'; JIMAS, IK; media bercetak dan elektronik; EkoIslam; NGO Muslim; IFEES |

Sumber: diterjemahkan daripada (Najma 2012:215).

Islam mengiktiraf kewujudan alam sekitar sehinggakan dianggap sebagai sebahagian komponen dalam objektif atau tujuan syariat (*maqasid syari'ah*). Dalam Islam, wujudnya terma "lima keperluan asas" (*al-dharurah al-khamsa*) yang menjadi dasar penting dalam kehidupan manusia dan perlu dijaga oleh setiap individu Muslim bagi menjamin kesejahteraan dan hak umat daripada sebarang bentuk ancaman dan kerosakan (Abu Bakar 2015). *Al-dharurah al-khamsa* ini turut meliputi aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Individu perlu sedar bahawa memelihara dan memulihara alam sekitar adalah seperti memelihara agama, menjaga jiwa (nyawa), menjaga keturunan, menjaga akal dan menjaga harta benda (Abu Bakar 2015). Kelima-lima kemaslahatan yang dikaitkan dengan penjagaan alam sekitar ini berkait rapat dengan akidah, ibadat dan akhlak individu Muslim. Maksudnya jika seseorang melakukan kerosakan terhadap alam sekitar maka dia seumpama merosakkan penyaksian (*syahadah*) dan perjanjiannya dengan Tuhan untuk melakukan segala perintahNya dan meninggalkan laranganNya, sekaligus mempamerkan akhlak dan moral yang tidak baik kepada individu lain.

Di samping itu, setiap individu mempunyai konteks budaya, sosial dan pengalaman yang berbeza-beza dan berkemungkinan juga akan menghasilkan pelbagai interpretasi, kefahaman dan tindakan yang berbeza terhadap alam sekitar. Oleh yang demikian, salah satu usaha yang pihak sekolah boleh lakukan bagi menyatukan komuniti sekolah yang terdiri daripada pelbagai latar belakang adalah mewujudkan persekitaran surau berkonsepkan penghijauan sebagai pusat pembinaan pengetahuan dan budaya (etos) lestari secara kolektif. Pengisian konsep ini harus diketengahkan supaya setiap pelajar muslim khususnya dan warga sekolah umumnya berpeluang untuk merasai pengalaman berinteraksi dengan elemen alam sekitar menerusi peranan institusi Islam yang berkonsepkan penghijauan.

Istilah hijau atau penghijauan di dalam Bahasa Inggerisnya dikenali sebagai *green* atau *greening*. Kedua-dua istilah ini telahpun digunakan di dalam kajian-kajian lepas seperti istilah produk hijau (Norazah & Norbayah 2015) dan istilah penghijauan sesebuah negara (Jones 2016). Penggunaan istilah hijau dan penghijauan ini merupakan simbolik kepada penerapan elemen kelestarian alam sekitar dalam pembentukan sesuatu konsep. Sebagai contoh konsep penghasilan produk hijau perlu mempertimbangkan prinsip pemilihan bahan yang boleh dikitar semula dan bahan yang mampu

direputkan atau dihuraikan oleh mikroorganisma (terbiodegradasi) bagi mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar. Bahkan, pemilihan bahan-bahan produk seperti ini juga sekaligus akan menjimatkan kos penyelenggaraan (ekonomi) sekiranya sebarang bentuk pencemaran dapat dibendung.

Seterusnya, dari kaca mata Islam pula. Istilah hijau dalam Bahasa Araba dalah *akhdar*. Istilah hijau ini digambarkan di dalam al-Quran dengan sifat warna alam semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan sebagaimana firman Allah S.W.T:

"Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman" (Al-Quran 6:99).

Intipati pengajaran daripada ayat al-Quran ini dilihat secara eksplisitnya adalah untuk membangkitkan kesedaran manusia terhadap keagungan Allah S.W.T yang Maha Pencipta segalanya dan menyuburkan rasa syukur di atas pemberian nikmat yang telah dikurniakanNya. Manakala secara implisitnya pula, ayat ini memaparkan kepentingan aktiviti penghijauan seperti bercucuk tanam dan menanam pokok yang bukan sahaja memberi kebaikan kepada manusia, bahkan makhluk di persekitarannya seperti haiwan turut mendapat manfaat hasil daripada aktiviti penghijauan tersebut. Rasulullah S.A.W telah bersabda:

"Tidaklah seorang muslim menanam tanaman, kemudian tanaman itu dimakan oleh burung, manusia, ataupun binatang, kecuali baginya dengan tanaman itu adalah sedekah" (HR al-Bukhari).

Selain itu, terma *green deen* (agama hijau) juga antara yang digunakan bagi merujuk perkaitan antara agama Islam dengan konsep penghijauan. Terdapat enam prinsip *green deen* telah digariskan untuk dihayati oleh setiap individu muslim. Prinsip pertama adalah tauhid iaitu mempercayai Allah S.W.T Tuhan yang Maha Esa; kedua, memerhati tanda-tanda kekuasaan Allah S.W.T; ketiga, manusia

adalah khalifah; keempat, amanah menjaga alam; kelima, berpegang kepada prinsip keadilan dan keenam, menjaga keseimbangan ekosistem hidup (Ibrahim 2010). Keenam-enam prinsip *green deen* ini boleh diaplikasikan dalam membentuk institusi Islam yang berkonsepkan penghijauan, seterusnya menjadi justifikasi kepada pemilihan dan penggunaan frasa 'surau hijau' di dalam konteks kajian ini.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini adalah berbentuk kajian kes yang telah dilaksanakan di empat buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang masing-masingnya daripada bahagian tengah, selatan, utara dan timur Semenanjung Malaysia. Namun bagi tujuan penulisan makalah ini, hanya dapatan kajian sebuah surau sekolah daripada bahagian utara sahaja yang akan diketengahkan. Justifikasi pemilihan surau ini adalah kerana hasil data yang unik telah diperolehi daripadanya disamping pencapaiannya yang telah dinobatkan dengan pelbagai anugerah berprestij di pelbagai peringkat. Mengamati falsafah penyelidikan dalam kajian ini pula adalah berdasarkan paradigma konstruktivisme. Paradigma ini menggalakkan penerokaan terhadap aspek pengalaman dan pengamalan sesuatu subjek kajian dalam konteks realiti semasa tentang sesuatu perspektif, proses pelaksanaan, faktor-faktor dan cabaran yang dihadapi (Siti Uzairiah 2016). Konteks kajian menurut lensa paradigma ini juga dilihat sebagai sesuatu yang subjektif dan perlu kepada interpretasi kualitatif secara mendalam.

Sehubungan itu, berasaskan paradigma konstruktivisme tersebut, rekabentuk kajian ini adalah berorientasikan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen sebagai kaedah utama proses pengumpulan datadatan maklumat kajian. Menurut Noriah et al. (2013) antara kekuatan dokumen sebagai sumber data adalah "*sentiasa ada dan boleh dirujuk pada bila-bila masa, tidak mengganggu atau tidak diganggu iaitu tiada elemen manipulasi, tepat dan liputan yang meluas*". Maka, justifikasi penggunaan kaedah ini sebagai kaedah dominan adalah kerana segala perihal yang dilakukan berkaitan konsep surau hijau telah didokumentasikan dan direkod oleh pihak sekolah sebagai bukti pelaksanaannya. Tambahan itu, kebolehpercayaan (*trustworthiness*) data-data yang telah diperolehi daripada analisis

kandungan dokumen diperkukuhkan dengan kaedah pemerhatian terus (*direct observation*) (Ghazali 2016) terhadap persekitaran surau sekolah dengan menggunakan instrumen senarai semak pemerhatian dan nota lapangan. Hal ini bagi memastikan lagi keselarian dan kesahihan maklumat dalam dokumen yang telah direkodkan dengan situasi sebenar. Seterusnya, setelah selesai kesemua proses pengumpulan dan pengurusan data, proses analisis data yang melibatkan data-data daripada dokumen dan pemerhatian pula dilakukan dengan mengaplikasikan pendekatan analisis kandungan yang telah dicadangkan oleh Cohen (2011) iaitu pertama menentukan unit-unit analisis. Kedua, mengenal pasti kod-kod yang digunakan dalam analisis. Ketiga membina kategori untuk proses analisis. Keempat membuat pengkodan dan pengkategorian. Kelima mengendalikan data-data analisis secara menyeluruh dan keenam membuat rumusan dan kupasan secara komprehensif terhadap kategori atau tema yang terbentuk.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

LATAR BELAKANG SEKOLAH

Berhubung dengan keintegritian dan etika di dalam kajian kualitatif ini, subjek kajian berhak mendapat perlindungan di atas penglibatannya. Maka nama sekolah tidak didedahkan bagi menghormati hak privasi pihak sekolah yang telah menghendaki berbuat demikian. Begitu juga nama negeri tempat beradanya sekolah ini juga tidak didedahkan. Hal ini kerana beberapa maklumat pencapaian sekolah yang akan dinyatakan selepas ini boleh diakses secara terus sekiranya nama negeri didedahkan yang sekaligus akan mendedahkan juga nama sekolah tersebut. Oleh itu, sebuah sekolah yang terlibat dalam kajian ini dikategorikan sebagai sekolah luar bandar di bahagian utara Semenanjung Malaysia yang mula dibuka pada tahun 1965. Pada tahun 2016, warga sekolah ini adalah terdiri daripada seramai 94 orang guru (24 orang guru lelaki dan 70 orang guru perempuan), 1193 orang pelajar (562 orang pelajar lelaki dan 631 orang pelajar perempuan) dan 15 orang staf kakitangan bukan mengajar (KTBM) (4 orang lelaki dan 11 orang perempuan). Hasrat sekolah ini adalah untuk menjadikan sebuah sekolah hijau yang cemerlang menerusi program pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam segenap bidang tugas. Hasil semangat dan komitmen yang jitu

dalam menjayakan hasrat tersebut, sekolah ini telah mendapat pelbagai anugerah seperti terpilih sebagai enam sekolah terbaik pertandingan *Malaysia Greentech Awards* peringkat kebangsaan (2013), johan cabaran interaktif pengguna antara kelab-kelab pengguna sekolah di peringkat negeri (2014), johan pertandingan sekolah hijau peringkat negeri (2014) dan memperolehi pensijilan 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (2015).

PENGISIAN KONSEP SURAU HIJAU

Surau di sekolah ini telah mula dibina pada tahun 2009 dan siap dibina sepenuhnya pada tahun 2010. Seawal pembinaannya, surau ini sekadar menampung seramai 200 orang jemaah. Dalam tempoh enam tahun, surau ini telah mengalami pelbagai pengubahsuaian dari tahun ke tahun agar dapat menampung jemaah yang lebih ramai. Surau di sekolah ini juga merupakan antara salah satu sub-institusi dalaman yang menjadi medium pelaksanaan program dan aktiviti penghijauan. Surau ini telah dijadikan penanda aras daripada sekolah-sekolah lain untuk mengimplimentasikan konsep surau hijau tersebut. Secara dasarnya, surau ini ingin melestarikan budaya Islam yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Memandangkan pembudayaan hubungan yang baik antara manusia dengan alam sekitar adalah sebahagian daripada tuntutan Islam, maka surau ini menyajikan beberapa pengisian yang berbentuk "mesra Islam, mesra alam sekitar". Pengisian tersebut bermatlamat untuk menonjolkan peranan surau yang berkonsepkan mesra alam sekitar berupaya membentuk komuniti sekolah yang lestari, sekaligus menyumbang kepada kelestarian global. Hasil analisis secara tematik menunjukkan terdapat beberapa tema pengisian berunsurkan mesra alam sekitar yang telah dianjurkan oleh surau hijau ini iaitu pertama daripada konteks keagamaan dan kerohanian, kedua akademik dan intelektual, ketiga ekonomi dan keusahawanan, keempat rangkaian dan jaringan komuniti luar dan kelima kesenian dan rekreasi. Oleh itu, tema pertama akan dinyatakan terlebih dahulu selepas ini.

KEAGAMAAN DAN KEROHANIAN

Program sambutan '*idul adha* (hari raya korban) telah dilaksanakan untuk mendidik warga sekolah mengenai prosedur dan etika penyembelihan haiwan yang sah menurut Islam. Daripada program ini,

sifat ihsan terhadap binatang dapat diterapkan iaitu adab memamatkan mana-mana haiwan sembelihan yang halal dimakandengan cara yang baik. Begitu juga, pengisian *Ihya'* Ramadhan iaitu menghidupkan bulan Ramadhan dengan mengukuhkan beberapa ibadat yang melibatkan komponen alam sekitar seperti air yang digunakan untuk berwuduk secara tidak membazir dan hikmah penggunaan debu tanah sebagai proses tayamum sekiranya ketiadaan air. Selain itu, solat sunat gerhana matahari juga telah diadakan sebagai menzahirkan rasa syukur dan penghargaan terhadap kebesaran dan kekuasaan Allah S.W.T dalam menjadikan fenomena tersebut. Seterusnya, kem ibadah turut dilakukan bagi memberi pendedahan kepada pelajar tentang gaya hidup bersyariat dan menjadikan Islam sebagai satu cara hidup yang menyayangi setiap kejadian makhluk ciptaan Allah S.W.T.

AKADEMIK DAN INTELEKTUAL

Pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam yang berlangsung di surau tersebut telah mengunapakai khutbah yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertarikh 5 Ogos 2016 dengan judul khutbah "hargai diri dengan menghargai alam" sebagai bahan bantu mengajar (BBM). Penggunaan khutbah ini telah memperkembangkan lagi isi pelajaran supaya menjadi lebih bermakna kepada pelajar. Hal ini juga memaparkan pendidikan alam sekitar sebagai elemen merentas kurikulum pendidikan Islam telah diaplikasikan dan dilaksanakan di surau tersebut. Selain itu, surau hijau ini turut menyediakan ruang dan prasarana yang kondusif untuk pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran. Contohnya, wujudnya *Muslim Japanese Corner* yang berdekatan dengan tempat wuduk lelaki. Di sudut ini, terdapat beberapa meja belajar berkonsepkan meja Jepun yang diperbuat daripada meja-meja kelas yang telah tidak digunakan. Dari segi saluran informasi di surau hijau ini, guru dan pelajar boleh mengkses info-info seperti adab bermusafir daripada sebuah basikal terpakai yang dihiasi dengan maklumat-maklumat permuasafiran. Info berkaitan amalan lestari juga disediakan menerusi *prop* pohon ilmu yang diperbuat daripada kertas dan kotak terpakai. Di samping itu, pencerapan suhu harian sekolah oleh brigid surau hijau (rakan surau) bersama panitia geografi turut dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada pelajar tentang sains dan al-Quran yang berkait rapat dengan isu alam sekitar global iaitu isu perubahan iklim (*climate change*)

dan pemanasan global (*global warming*). Bengkel rekacipta jam matahari juga diadakan bagi mengukur cara menentukan waktu solat dengan menggunakan cahaya matahari bersama wakil pegawai pejabat agama. Akhir sekali, program jejak al-Khawarizmi adalah untuk mengenali ahli astoromi Islam yang banyak memberi sumbangan terhadap pengetahuan alam semesta.

EKONOMI DAN KEUSAHAWANAN

Sepanjang konsep surau hijau ini dijalankan, faktor ekonomi surau dan sekolah antara yang dipertimbangkan dalam melaksanakan sesuatu program. Pelbagai langkah telah diambil untuk mengurangkan kos perbelanjaan dengan menggunakan bahan-bahan yang boleh dikitar semula dan menangani pembaziran dengan mengubahsuai bahan-bahan terpakai. Program “*La Tu Bazzir: Stop Waste*” antara yang dilancarkan oleh surau hijau bagi menyahut saranan ini. Dari aspek pengurusan fizikal pula beberapa usaha telah dilakukan ke arah langkah penjimatan seperti penyediaan papan kenyataan surau yang telah diperbuat daripada pintu dan meja terpakai, sudut bacaan dan mini perpustakaan surau pula diletakkan meja dan kerusi yang diperbuat daripada tayar dan meja terpakai, suis lampu dan kipas dilabelkan supaya mudah untuk dimatikan dan dihidupkan berserta notis “sila matikan kipas dan lampu jika tidak menggunakannya”, *cover fail* dokumentasi diperbuat daripada serpihan kotak, bekas pengumpulan bahan bacaan dan tuala terpakai telah diubahsuai daripada kotak, meja pameran telah diubahsuai daripada pintu kelas yang terbiar lama, pagar surau telah diubahsuai daripada kayu-kayu terpakai, sejenis bunga pandan digunakan sebagai pewangi semulajadi surau dan pasu bunga perhiasan landskap surau diubahsuai daripada tuala terpakai. Pengisian konsep surau hijau ini juga turut menggalakkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar dengan mewujudkan *Raudhatul Khadrawat* (taman sayur-sayuran) berhampiran surau yang ditanam dengan pokok sayur-sayuran seperti terung, kucai, sawi dan kalia, kemudian hasil kutipan tanaman ini akan dijual kepada guru-guru dan staf sekolah menerusi program “jualan amal sayur”. Selain itu, briged surau hijau telah menyertai projek “*go green mushroom*” yang berkolaborasi dengan pihak sekolah lestari bagi menggalakkan aspek keusahawanan dalam kalangan pelajar.

RANGKAIAN DAN JARINGAN KOMUNITI LUAR

Pengisian konsep surau hijau inikutur melibatkan penyertaan daripada komuniti luar. Surau hijau ini telah menjadi tuan rumah kepada bengkel tatacara pelupusan al-Quran dan buku agama yang telah rosak di peringkat daerah denganmelibatkan warga sekolah dan masyarakat luar. Pendedahan ini penting kerana al-Quran dan buku agama yang mengandungi ayat-ayat al-Quran, kertas-kertasnya yang telah rosak tidak boleh dikitar semula dan perlu kepada tatacara pelupusan khas. Selain itu, program “Jom bawa keluarga kepada Maha Pencipta” turut diadakan bagi membincangkan peranan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T agar sentiasa memakmurkan muka bumi. Berhubung dengan kepekaan terhadap kebersihan alam sekitar, surau hijau ini telah menyumbangkan kain rentang (*banner*) yang telah digantungkan di persimpangan jalan taman bagi tujuan untuk menyedarkan masyarakat supaya membuang sampah di tempat yang sepatutnya. Di samping itu, penanaman pokok *al-tin* oleh pihak Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG), khidmat masyarakat yang berbentuk gotong-royong dalam membersihkan masjid dan sumbangan yasin di masjid Berinchang, Cameron Highlands dengan bertemakan “Islam itu Indah” juga turut dilaksanakan bagi memperkasakan penghayatan terhadap aspek penghijauan. Seterusnya, bagi meraihkan jemaah haji pula, warga surau hijau telah mencipta penanda al-Quran yang diperbuat daripada kertas-kertas terpakai dan diserahkan kepada guru sekolah yang mengerjakan ibadat haji untuk diedarkan kepada jemaah Malaysia di Mekah. Walaupun usaha ini dilihat hanya sekelumit pemberian penanda al-Quran, namun terdapat dua amal ibadat utama yang telah dilakukan dalam hal ini, pertama telah melakukan penjimatan menerusi amalan kitar semula dan kedua amalan bersedekah. Daripada konteks amalan bersedekah yang berskala besar pula, surau hijau ini telah memberikan beberapa sumbangan berkaitan keperluan persekitaran pihak luar seperti pembinaan wakaf telaga di Negara Kemboja hasil kerjasama dengan kumpulan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) amal Kemboja. Pemberian sumbangan ini telah menyebarkan lagi rangkaian dan jaringan surau hijau bersama komuniti luar sehingga ke peringkat rantau Asia.

KESENIAN DAN REKREASI

Amalan mengindahkan alam sekitar dapat diterjemahkan dengan pelbagai pendekatan dan salah satunya adalah melalui pendekatan kesenian dan rekreasi. Surau hijau ini telah menerapkan unsur-unsur kesenian dan rekreasi tersebut dengan melakarkan tulisan jawi jenis *khat* dan *zukuruf* di beberapa sudut bangunan surau. Begitu jugadi laluan tepi surau turut dihiasi dengan *sirah* (penceritaan sejarah) mengenai Rasulullah S.A.W dan lukisan mural pada dinding surau yang telah dilukis oleh warga sekolah bersama bekas pelajar sekolah. Aktiviti kesenian ini bukan sahaja dapat mencantikkan persekitaran surau bahkan dalam masa yang sama dapat menghidupkan iklim (suasana) *dinni* (keagamaan). Selain itu, kain rentang mengenai tatacara pelupusan al-Quran yang telah rosak mengikut syariat dan kain rentang berkaitan jenis haiwan, sayuran dan buah-buahan menurut al-Quran turut dijadikan sebagai dekorasi di sekitarkawasan rekreasi surau. Pelbagai dekorasi ini akan menggalakkan lagi rasa syukur dan penghargaan kepada Tuhan yang bahawasanya elemen-elemen alam sekitar seperti haiwan, sayuran dan buah-buahan adalah nikmat ciptaan Tuhan yang tidak terhingga kepada manusia untuk dijadikan sumber kelangsungan hidup. Tambahan daripada itu, pembinaan landskap atau laman *dini* yang dinamakan bersempena dengan nama Khulafa al-Rasyidin seperti taman Saidina Ali bin Abi Talib telah ditanam dengan pokok serai dan roselle. Manakala taman Saidina Abu Bakar telah ditanam dengan pelbagai pokok buah-buahan dan Taman Saidina Uthman bin Affan pula telah dihiasi dengan tanaman bunga yang berpasu. Unsur kesenian dan rekreasi di surau hijau ini juga telah menerapkan aspek budaya tempatan. Jika dilihat di hadapan surau tersebut, terdapat dataran yang berkonsepkan mesra alam sekitar dengan menyediakan permainan tradisional iaitu "teng-teng". Daripada kemudahan ini, para pelajar dapat melakukan aktiviti fizikal atau bersukan bagi mencergaskan tubuh badan. Selain itu, program di luar sekolah yang turut dianjurkan oleh surau hijau ini adalah dalam bentuk *muqayyam* (perkemahan) ke hutan paya laut larut Matang bagi mendedahkan kepada para pelajar tentang kegunaan dan faedah pokok paya bakau. Begitu juga program eksplorasi alam ke Cameron Highlands bagi menikmati suasana, keindahan dan ciptaan Tuhan dalam kalangan warga sekolah.

Merujuk kelima-lima tema di atas, beberapa aplikasi Teknologi, Multimedia dan Komunikasi

(TMK) telah digunakan sepanjang menjayakan kelima-lima aspek pengisian konsep surau hijau tersebut bagi menyalurkan dan menyebarkan maklumat dalam kalangan warga sekolah, pihak ibubapa dan masyarakat luar seperti penggunaan *facebook*, blog, aplikasi *whatsapp* dalam telefon bimbit, telegram dan penerbitan risalah. Penggunaan TMK ini memberi implikasi yang signifikan terhadap penyertaan warga dalam dan luar sekolah bagi menghidupkan aktiviti-aktiviti mesra alam sekitar. Sebarang bentuk iklan atau maklumat program dapat disahkan secara terus melalui TMK tersebut, sekaligus dapat membendung ketidaksalahfahaman dan interpretasi maklumat yang tidak betul dan yang boleh membawa perspektif negatif kepada pengisian anjuran surau hijau tersebut.

KEKUATAN, KELEMAHAN, PELUANG DAN ANCAMAN (SWOT)

DALAM MENGIMARAHKAN SURAU HIJAU

Keempat-empat analisis SWOT ini telah diperoleh daripada dokumen yang diserahkan oleh pihak sekolah kepada penyelidik dan dipaparkan seperti mana dalam Jadual 2.

PERANAN KONSEP SURAU HIJAU DALAM MEMBENTUK KOMUNITI SEKOLAH LESTARI

Inisiatif dan usaha proaktif yang telah dilakukan oleh surau hijau ini telah memaparkan tiga peranan utama dalam membentuk komuniti sekolah yang lestari. Pertama iaitu berperanan sebagai medium penyebaran nilai etika dan asas moral. Keupayaan surau hijau ini berpotensi melahirkan individu yang celik alam sekitar menerusi pengalaman dan ruang pengamalan etika ekosentrik secara menyeluruh sebagaimana dalam aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan seperti proses penyembelihan secara beretika, kitar semula dan penanaman pokok. Daripada itu, alam sekitar bukan sahaja akan dilihat dalam konteks instrumental yang hanya memberi sumbangan terhadap aspek penjimatan, bahkan secara kontekstualnya juga alam sekitar dilihat sebagai elemen asas kebergantungan hidup iaitu musnahnya flora dan fauna maka menderitalah manusia akan kesannya. Secara moralnya, pelbagai pendekatan telah diambil dalam melaksanakan program surau hijau ini agar nilai-nilai keindahan (estetika) alam sekitar akan dapat dijiwai dan

JADUAL 2 Kekuatan, Kelemahan, Peluang Dan Ancaman (SWOT) dalam Mengimarahkan Surau Hijau

| Kekuatan (<i>Strengths</i>) | Kelemahan (<i>Weaknesses</i>) |
|---|--|
| Komitmen yang padu daripada pihak pentadbir, semua guru, staf, pekerja swasta (unit pembersihan sekolah) dan bekas pelajar SPM & STPM. Selain itu, pihak PIBG, koperasi dan warga sekolah memberikan sepenuh sokongan dari sudut sumber kewangan. Pihak pentadbir sekolah juga telah menjadikan surau hijau sebagai kebitaraan sekolah. | Ruang surau agak kecil untuk menampung semua pelajar pada satu masa dan sekolah menjalankan dua sesi persekolahan menyebabkan program tidak dapat dilaksanakan secara serentak pada hari persekolahan. |
| Peluang (<i>Opportunities</i>) | Ancaman (<i>Threats</i>) |
| Pihak Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) sedia memberikan kerjasama kepada pihak sekolah. Agensi kerajaan yang berdekatan juga sedia memberikan kerjasama kepada pihak sekolah dan sebahagian komuniti setempat memberikan kerjasama yang mengalakkan dalam setiap aktiviti surau hijau yang dianjurkan. | Sumber kewangan masih belum mencukupi. Kesedaran komuniti terhadap penghayatan Islam dan aspek pendidikan masih dikategorikan sebagai tidak memuaskan dan secara langsung sebahagian masyarakat tidak menyertai beberapa program yang dianjurkan oleh surau hijau. |

diamati secara konsisten oleh peserta program dan dijelmakan menerusi tingkah laku yang baik terhadap alam sekitar.

Seterusnya, peranan kedua ialah surau hijau bertindak sebagai agen sosial. Kehidupan manusia berkait rapat dengan persekitaran sekeliling apatah lagi dipengaruhi oleh proses globalisasi pada masa kini. Model ekologi pembangunan manusia yang diketengahkan oleh Urie Bronfenbrenner (1979) menyatakan terdapat lima sistem interaksi sosial manusia daripada persekitaran yang dekat dengan dirinya sehinggalah berhadapan dengan peristiwa-peristiwa yang mempengaruhi perkembangan dan kualiti hidupnya iaitu bermula daripada sistem-mikro, sistem-meso, sistem-ekso, sistem-makro dan akhir sekali sistem-krono (Rumaya & Razumah 2014). Berdasarkan pengisian surau hijau ini, beberapa sistem interaksi sosial ini telah berlaku secara langsung mahupun tidak langsung dalam komuniti sekolah.

Di peringkat sistem-mikro misalnya, para pelajar telah berinteraksi sesama rakannya untuk melaksanakan program yang dianjurkan oleh surau hijau sebagaimana wujudnya brigid surau (rakan surau) yang bertindak untuk menyelaraskan aktiviti mesra alam sekitar seperti kempen "*La tubazir: Stop Waste*". Interaksi ini telah menciptakan pengalaman yang murni dalam kehidupan para pelajar. Manakaladi peringkat sistem-meso, para pelajar, guru-guru, ahli KTBM dan staf sokongan sekolah juga saling berinteraksi antara satu sama lain. Dalam konteks komuniti dalaman sekolah ini, interaksi separa meluas ini telah mengalakkan mereka untuk terlibat secara aktif dalam pengisian surau hijau sama ada dalam aktiviti keagamaan dan kerohanian, akademik

dan intelektual serta kesenian dan rekreasi yang berkonsepkan penghijauan.

Diperingkat sistem-ekso pula, sistem interaksi ini lebih bersifat meluas iaitu jaringan interaksi bersama komuniti luar sekolah. Para ibubapa, ahli masyarakat setempat, agensi kerajaan, agensi swasta dan ahli NGO telah terlibat dalam memberikan sumbangan dalam bentuk tenaga mahupun kewangan kepada pembangunan surau hijau. Interaksi tersebut bukan sekadar berlaku dalam komuniti itu sahaja, malah program surau hijau turut melibatkan rangkaian di peringkat serantau sebagaimana pembinaan telaga yang disumbangkan di salah satu tempat di Kemboja. Di samping itu, diperingkat sistem-makro, segala pengisian surau hijau juga adalah berkait rapat dengan iltizam menyahut agenda pembangunan lestari (*sustainable development*) yang ke-13 iaitu mengambil tindakan yang segera untuk menangani perubahan iklim dan pelbagai kesannya (UNESCO 2017). Maka, aktiviti seperti pencerapan suhu harian sekolah merupakan antara bentuk interaksi sistem-makro yang melibatkan interaksi dengan isu global iaitu perubahan iklim dan pemanasan global.

Peranan konsep surau hijau yang ketiga adalah memperkembangkan kemahiran insaniah. Meninjau kembali pencapaian sekolah yang agak memberangsangkan dengan memperoleh pelbagai anugerah dalam aspek alam sekitar, sudah tentu wujud suatu mekanisme yang signifikan telah digunapakai bagi mewujudkan sekolah yang berdaya saing. Surau hijau yang mejadi kebitaraan/etos sekolah telah menjadi pusat perkembangan aspek kemahiran insaniah. Fokus pembangunan aspek ini bukan hanya kepada golongan pelajar

semata-mata, bahkan melibatkan keseluruhan komuniti sekolah. Kemahiran insaniah (*soft skills*) yang juga dikenali dengan pelbagai terma seperti kemahiran generik, kemahiran boleh pindah, kemahiran teras dan kemahiran asas ini merupakan satu set kemahiran yang diperlukan oleh individu untuk menghadapi kelangsungan hidup seharian yang tanpanya individu akan berhadapan dengan cabaran dan berkemungkinan berhadapan dengan konflik di persekitarannya (Ramli 2012).

Seseorang individu berkemungkinan memiliki pelbagai kemahiran insaniah bahkan ada yang pasif dalam beberapa kemahiran tersebut. Dalam konteks kajian ini, surau hijau telah membuka ruang pengembangan pelbagai kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Kemahiran keusahawanan contohnya, berdasarkan program penanaman sayur-sayuran yang ditanam berhampiran surau, para pelajar telah mendapat pendedahan awal mengenai asas keusahawanan diperingkat sekolah lagi. Para pelajar telah mengetahui bagaimana untuk memanfaatkan sumber alam untuk dijadikan modal perniagaan walaupun secara kecil-kecilan yang menjadi pencetus kepada kelestarian ekonomi sekolah. Seterusnya kemahiran menyelesaikan masalah iaitu warga sekolah sedar akan ancaman terhadap perkembangan surau hijau ini adalah dari sudut pembiayaan kewangan. Dengan menengahkan konsep penghijauan dalam mengimarahkan surau tersebut, maka teretusnya idea penyelesaian menggunakan barang-barang terpakai yang ada di sekolah untuk menceriakan dan membaik-pulih prasarana, ini sekaligus mengilap kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan warga sekolah secara kreatif dan inovatif.

Di samping itu juga, kemahiran interpersonal dan intrapersonal yang melibatkan keperihatinan kepada diri sendiri dan orang lain turut diperkembangkan menerusi peranan surau hijau ini. Lazimnya, setiap insan suka dan cenderung kepada sesuatu yang kemas, indah, cantik dan bersih. Penyertaan komuniti sekolah yang turut melibatkan ibubapa dan masyarakat dalam aktiviti gotong-royong, melukis mural dan menghias landskap dalam dan luar surau merupakan sebahagian bukti usaha surau hijau ini telah membangunkan sifat prihatin, kasih sayang, kerjasama dan tolong-menolong yang merupakan elemen kemahiran interpersonal dan intrapersonal. Wujudnya sifat-sifat ini, iklim sekolah yang positif akan dapat dibentuk selaras dengan kehendak fitrah manusia yang inginkan ketenangan, kesejahteraan dan keharmonian.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI

Terserlahnya kepelbagaian peranan surau hijau ini telah memperkembangkan dan menghidupkan tradisi kegemilangan peranan masjid pada zaman Rasulullah S.A.W. Konsep yang dibawa oleh surau hijau ini telah berupaya menarik pelbagai individu untuk mencintai alam sekitar yang merupakan hasil penerapan nilai-nilai Islam dalam aktiviti penghijauan yang dianjurkan. Para pelajar khususnya telah didedahkan secara aktif meneroka makna ilmu, kemahiran dan nilai kepentingan alam sekitar terhadap dirinya. Menerusi pendedahan sebegini juga akan mencetuskan keseimbangan antara aspek kognitif, efektif dan psikomotor dalam kalangan pelajar ke arah melahirkan modal insan yang bertakwa, bahkan membentuk individu muslim yang sentiasa memakmurkan surau dan masjid. Firman Allah S.W.T:

Hanyalah yang memakmurkan masjid-masjid Allah S.W.T ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat, dan tidak takut kepada siapapun selain kepada Allah S.W.T, maka merekalah orang-orang yang mendapat petunjuk. (Al-Quran9:18)

Sehubungan itu, hasil kajian ini telah memberi implikasi yang signifikan terhadap perkembangan kupasan model ekologi pembangunan manusia yang dibawa oleh Urie Bronfenbrenner (1979) dalam konteks penyepaduan konsep Islam dan alam sekitar terhadap pembentukan surau hijau di sekolah. Sementara itu, implikasi kajian ini di peringkat global pula telah memacu agenda pembangunan lestari menerusi pelaksanaan pelbagai aktiviti kelestarian yang dianjurkan oleh surau hijau. Di peringkat Malaysia pula, pengisian dan pengalaman yang telah ditonjolkan oleh surau hijau ini boleh diaplikasikan oleh seluruh sekolah bagi mempromosikan ajaran Islam yang bersifat universal dan menitikberatkan aspek penghijauan. Pihak-pihak berkepentingan juga sama ada di peringkat organisasi kerajaan mahupun swasta berpeluang mendapatkan maklumat yang signifikan daripada peranan surau hijau ini untuk dijadikan sebagai inspirasi dakwah yang inovatif dan kreatif bagi menarik minat ahli organisasi atau penduduk setempat terhadap kelestarian alam sekitar.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Geran Peruntukan Penyelidikan Pascasiswazah (PG054-2015A) Universiti Malaya yang telah membiayai penyelidikan ini (2015-2017).

RUJUKAN

- Abd Aziz Rekan, Mohd Istajib Mokhtar & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2014. Aplikasi Maqasid al-Shari'ah dalam pendidikan alam sekitar berasaskan ekopsikologi: Pengalaman Indonesia dan Malaysia serta refleksinya di peringkat global. In *Islam dan Ketamadunan Melayu Sumbangan ke Arah Kemajuan Sejagat*, disunting oleh Mohd Roslan Mohd Noor dan Khadher Ahmad. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).
- Abu Bakar Yang. 2015. *Pengurusan & Pemuliharaan Alam Sekitar dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Insititut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Asmawati Muhamad, Zulkifli Mohd Yusof, Sumiani Yusoff, Roslan Mohd Nor, Zeeda Fatimah Mohamad, Muhammad Alihanafiah Norasid, Nurul Husna Mansor & Nur Shahidah Paad. 2018. Transforming the role of surau APIUM for campus sustainability through imarah green project. In *Transforming Research into Action*, edited by Sumiani Yusoff, 104-115. Kuala Lumpur: Sustainability Science Research Cluster.
- Aung, T. S. 2017. The role of religion in environmental preservation: The study of world major religions. *Journal of Asian and African Social Science and Humanities* 3(1): 45-66.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani & Nor Hayati Fatmi Talib. 2014b. Persepsi murid terhadap penggunaan surau sekolah di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education* 2(1): 76-85.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib, Ab. Halim Tamuri & Kamarulzaman Abdul Ghani. 2014a. Persepsi Pelajar terhadap fungsi surau sekolah sebagai pusat pendidikan di sekolah menengah kebangsaan. *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah* 1(1): 17-24.
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2011). *Research methods in education*. 7th Edition. London: Routledge
- Foltz, C. K., Denny, F. M. & Azizan Baharudin. (ed.). 2003. *Islam and Ecology: A Bestowed Trust*. Boston, MA: Harvard University Press.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UM).
- Ibrahim Abdul-Matin. 2010. *Green Deen: What Islam Teaches about Protecting the Planet*. San Francisco: Berrett-Koehler Publishers.
- Intan Nadia Ghulam Khan, Wan Siti Adibah Wan Dahalan & Zulkifli Mohd Nopiah. 2019. A survey on perceptions of legal and non-legal factors affecting sustainable solid waste management in Malaysia. *Akademika* 89(2): 41-51.
- Irwan Mohd Subri, Hasanah Abd Khafidz & Mohd Hapiz Mahaiyadin. 2014. Iktikaf di surau: kajian terhadap keputusan jawatankuasa perundingan hukum syara' Wilayah Persekutuan. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*: 7-30.
- JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia). 2016. Fatwa Pencemaran Alam Sekitar. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/3>. Retrieved On: 9 July 2019.
- Jones, K. R. 2016. The greening of London, 1920–2000. *The London Journal* 41(3): 329-330.
- Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. 2002. *Dasar Alam Sekitar Negara*. Malaysia: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.
- Mashitoh Yaacob, Zubaidah Mohd Nasir, W. Syairah Hazwani W. Petera, Hassan Basri, Iknor Azli Ibrahim, Mohd Yusof Othman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Azami Zaharim & Mazlin Mokhtar. 2017. Transformation of muslim behaviour towards sustainable environment: perspectives of non-governmental organisations in Klang Valley. *Akademika* 87(2): 19-30.
- Muhammad Rizal Razman, Abdul Samad Hadi, Jamaluddin Md Jahi, Abdul Hadi Harman Shah, Ahmad Fariz Mohamed & Shaharudin Idrus. 2014. *Perlindungan Alam Sekitar, Inisiatif Global dan Penglibatan Tempatan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Najma Mohamed. 2012. Revitalising an eco-justice ethic of Islam by way of environmental education: Implications for Islamic education. Ph.D. Dissertation, Stellenbosch University, South Africa.
- Norazah Mohd Suki & Norbayah Mohd Suki. 2015. Consumption values and consumer environmental concern regarding green products. *International Journal of Sustainable Development & World Ecology* 22(3): 269-278.
- Noriah Mohd Ishak, Siti Fatimah Mohd. Yassin, Mohd. Izham Mohd. Hamzah & Siti Rahayah Ariffin. 2013. Kajian kes. In *Penyelidikan dalam Pendidikan*, edited by Noraini Idris, 356-379. Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Nur Shazwanie Rosehan & Azlan Abas. 2019. Pencemaran bunyi bising trafik di Bandar Batu Pahat, Johor. *Akademika* 89(2): 97-109.
- Palmer, J. & Neal, P. 1994. *The handbook of environmental education*. London: Routledge.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2018. Irsyad al-fatwa siri ke-243: Hukum Pendapatan Jual Beli Tenggiling. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2568-irsyad-al-fatwa-siri-ke-243-hukum-pendapatan-jual-beli-tenggiling>. Retrieved On: 9 July 2019.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1998). *Buku Panduan Guru Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin & Zulkiflie Haron. 2012. *Kemahiran Generik Menurut Perspektif Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Rumaya Juhari & Rozumah Baharudin. 2014. *Penghantar Pembangunan Manusia: Perspektif Ekologi*. Selangor: Universiti Putra Malaysia (UPM).

Siti Uzairiah Mohd Tobi. 2016. *Qualitative Research, Interview Analysis & Nvivo11 Exploration*. Malaysia: Araspublisher.

Surat Pekeliling Ihktisas Bil. 14/1998 (Garis Panduan Pembinaan Surau Sekolah Rendah & Menengah). Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.

UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization). 2017. UNESCO Moving Forward the 2030 Agenda for Sustainable Development. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000247785>. Retrieved On: 6 July 2019.

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim Islamic Education Programme

Academy of Islamic Studies
50603 University of Malaya
Kuala Lumpur
Malaysia

E-mail: tgsarina@um.edu.my

Yusmini Md Yusoff Department of Dakwah and Human Development

Academy of Islamic Studies
50603 University of Malaya
Kuala Lumpur
Malaysia

E-mail: yusmini@um.edu.my

Received: 1 February 2019

Accepted: 17 September 2019

Abd Aziz Rekan (corresponding author)

Islamic Education Programme

Academy of Islamic Studies

50603 University of Malaya

Kuala Lumpur

Malaysia

E-mail: abdazizrkn@um.edu.my

